

06/10/2000

Tentera buat tinjauan ke 94 pulau

Noor Jaafar

HULU TERENGGANU, Khamis - Tentera dan pasukan keselamatan akan dihantar meninjau 94 pulau di sekitar perairan Sabah bagi memastikan pulau berkenaan didiami penduduk tempatan, pendatang asing atau lanun.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata Sabtu ini Panglima Tentera Darat dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan akan melawat dan meninjau pulau berkenaan.

"Jika pulau itu didiami penduduk tempatan, ia akan dikawal sepenuhnya atau dipindahkan ke pulau lain yang lebih selamat daripada sebarang ancaman, termasuk penculikan dan jika diduduki pendatang asing, pulau itu akan dibiarkan," katanya.

Dalam taklimat Kementerian Pertahanan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, Najib berkata, Perdana Menteri meminta laluan khas bot disediakan di perairan Sabah, termasuk di Sandakan dan Sipadan bagi memudahkan pihak keselamatan mengesan mereka yang mencerooboh perairan negara.

"Selain itu bagi membuktikan tentera dan pasukan keselamatan berkawal di sekitar perairan berkenaan, penerbangan dan tembakan akan sentiasa dilakukan untuk menandakan kerajaan serius terhadap pencerobohan pendatang asing.

"Kita tidaklah menembak apa-apa sasaran tetapi nak memberi isyarat yang jelas bahawa kita serius dalam menentang pencerobohan di kawasan kita," katanya selepas melancarkan program Tentera Bersama Rakyat di Sekolah Kebangsaan Menerong, dekat sini hari ini.

Di majlis itu, tentera menunjukkan pertempuran tanpa senjata, membina rumah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dan permainan sukan air. Ketua Umno Bahagian Hulu Terengganu, Tengku Putera Awang, Ahli Dewan Undangan Negeri Ajil, Rosol Wahid dan Panglima Briged Kelapan, Brig Jen Datuk Hashim Yahaya, hadir sama.

Najib berkata, tinjauan itu akan mengambil masa beberapa bulan dan tentera akan di tempatkan di pulau tertentu sehingga keadaan kembali stabil.

Mengenai kemudahan logistik, beliau berkata air dan makanan akan dibekalkan mencukupi untuk keperluan tentera yang bertugas dan rumah untuk mereka juga akan dibina jika terpaksa bertugas lebih lama mengawal di perairan Sabah.

"Berdasarkan statistik, pulau di perairan Sabah didiami kira-kira 600,000 pendatang asing, termasuk dari Filipina. Ketika ini 15 pulau dan pesisiran pantai dikawal tentera manakala kawasan lain dikawal pasukan polis," katanya.

Berhubung program Tentera Bersama Rakyat, Najib berkata, program itu akan diteruskan kerana ia memberi kesan positif serta meyakinkan orang ramai dalam usaha menjaga keselamatan negara daripada sebarang ancaman.

(END)